

**KESUMBA BUKIT**  
Diard's Trogon

FAMILI: Trogonidae  
NAMA SAINTIFIK: *Harpectes diardii*

#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa, bahagian dahi, tekak dan bahagian atas dada berwarna hitam, terdapat jalur-jalur merah jambu muda yang merentasi bahagian dada manakala bahagian bawah badan adalah berwarna merah jambu kemerahan. Diperhatikan, bahagian tepi kepala berwarna kehitaman dan ungu pudar dan hamper keseluruhan bahagian atas badan berwarna coklat gelap. Bahagian bawah ekor berwarna putih dengan terdapat tompok-tompok kelabu. Bagi burung betina pula, warna di bahagian kepala, bahagian atas dada dan sayap adalah berwarna coklat pudar. Warna di bahagian perut dan di bahagian bawah ekor merah jambu kemerahan. Bagi burung juvenil pula, ia adalah seakan-akan warna burung betina. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 32.5-35.0 sm.

#### **MAKANAN**

Spesies ini memakan serangga-serangga kecil.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai dikawasan hutan dipterokap dan hutan tanah pamah. Ia boleh dijumpai sehingga ketinggian 600 m dari aras laut, dan jarang ditemui sehingga ketinggian 9,15 m dari aras laut di Semenanjung Malaysia.

#### **BUNYI**

Burung jantan menghasilkan bunyi wilayah/kawasan sebanyak 10-12 kali *kau..*, dengan nada kedua adalah lebih tinggi dari nada pertama.

#### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Februari hingga Jun pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk rongga pada dahan-dahan pokok mati dan ketinggian sarang adalah dari 1.2-3.0 m dari aras tanah. Burung betina menghasilkan 2 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan warna telur adalah putih krim berkilat.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.  
IUCN, hampir terancam.